

TAHAP PENGAMALAN DAN PENGUASAAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH: PERSPEKTIF MURID BERDASARKAN EMPAT DIMENSI GAYA PEMBELAJARAN

LEVEL OF HISTORICAL THINKING SKILLS PRACTICE AND ACQUISITION: STUDENTS PERSPECTIVE BASED ON FOUR DIMENSION OF LEARNING STYLE

M.Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,
Universiti Utara Malaysia
(Email: kavizakaviza@yahoo.com)

Accepted date: 18-11-2018

Published date: 07-07-2019

To cite this document: Kaviza. M. (2019). Tahap Pengamalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah: Perspektif Murid Berdasarkan Empat Dimensi Gaya Pembelajaran. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (31), 32-45.

DOI: 10.35631/IJEP.431004

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid berdasarkan empat dimensi gaya pembelajaran iaitu dimensi input (visual dan verbal), pemprosesan (aktif dan reflektif), pengamatan (kepekaan dan intuisi) dan kefahaman (sequential dan global). Reka bentuk kajian tinjauan secara deskriptif ini melibatkan seramai 865 orang murid Tingkatan Dua daripada 30 buah sekolah menengah di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia melalui teknik persampelan rawak mudah. Instrumen kajian ini adalah soal selidik pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan ujian pencapaian penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan soal selidik Index of Learning Style yang telah disahkan oleh pakar penilai dalam bidang sejarah dan mempunyai nilai kebolehpercayaan, indeks diskriminasi dan kesukaran yang baik. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian IBM SPSS. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah pula berada pada tahap rendah dalam kalangan murid. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah berada pada tahap rendah berdasarkan keempat-empat dimensi gaya pembelajaran. Oleh itu, kajian ini adalah diharapkan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada guru-guru Sejarah dalam merancang proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang dapat meningkatkan pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dengan lebih berkesan berdasarkan dimensi gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid-murid.

Kata Kunci: Kemahiran Pemikiran Sejarah, Pengamalan, Penguasaan, Gaya Pembelajaran

Abstract: *The purpose of this study is to examine the level of historical thinking skills practice and acquisition among the students based on four dimension of learning style such as input (visual and verbal), processing (active and reflective), observation (sensing and intuitive) and understanding (sequential and global). The design of this study is a descriptively survey method involving a total of 865 form two students from 30 secondary schools in a state of north Peninsular of Malaysia using simple random sampling technique. Two adapted questionnaire and a performance test which has been verified by the content expert and have a good reliability value, discrimination and difficulty index are used in this study. The data were analysed by descriptive statistics using IBM SPSS version 24. The findings of this study indicated that the historical thinking skills practice at the moderate level and the historical thinking skills acquisition at the lower level among the students. Therefore, historical thinking skills practice also at the moderate level and historical thinking skills acquisition at the lower level based on four dimensions of learning style among students. This study is also expected the history teacher will designing a more effective teaching and learning method in order to improve the level of historical thinking skills based on students learning style in the ways they receive, understand and implement the knowledge and skills.*

Keywords: *Historical Thinking Skills, Learning Style, Practice, Acquisition*

Pengenalan

Mata pelajaran sejarah merupakan salah satu mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017 yang bermatlamat untuk melahirkan murid menguasai ilmu sejarah Malaysia dan seluruh dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2016). Pengajaran dan pembelajaran Sejarah tidak seharusnya tertumpu kepada ledakan maklumat semata-mata, tetapi perlulah berlandaskan kepada penerapan kemahiran pemikiran sejarah iaitu situasi yang membolehkan murid dapat berfikir secara kritis dengan meletakkan diri mereka pada kedudukan sebagai seorang pengkaji sejarah yang berpengalaman (Atkin, 2016; Bickford II & Bickford, 2015). Dalam usaha untuk melahirkan generasi yang dapat memenuhi matlamat dan aspirasi negara, pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Sejarah perlulah menjurus kepada penerapan kemahiran pemikiran sejarah secara lebih komprehensif dalam kalangan murid (PPK, 2016). Hal ini kerana mata pelajaran Sejarah merupakan suatu mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran yang membolehkan murid melihat sesuatu peristiwa sejarah secara empati (Cowgill II & Waring, 2017; Newmann, 1990).

Sorotan Kajian

Kemahiran Pemikiran Sejarah

Kemahiran pemikiran sejarah merupakan proses kognitif yang memerlukan murid-murid untuk meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru yang membolehkan murid-murid dapat memahami aspek kehidupan manusia silam sehingga hari ini (Rosy Talin, 2015; PPK, 2016). Oleh itu, pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah adalah melibatkan disiplin ilmu sejarah itu sendiri kerana kemahiran-kemahiran tersebut perlu dipupuk dalam kalangan murid bagi membolehkan mereka memahami bagaimana seseorang mentafsir sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlalu dengan menggunakan bahan bukti (Miki, Kojiri & Seta, 2015; Twyman, McCleery & Tindal, 2006). Terdapat lima konstruk

kemahiran pemikiran sejarah yang perlu dikuasai dalam kalangan murid (PPK, 2016) adalah seperti berikut:

1. Kemahiran memahami kronologi merujuk kepada urutan waktu dan peristiwa sejarah.
2. Kemahiran meneroka bukti pula melibatkan kemahiran mengenal pasti dan membuat kaji banding antara sumber primer dengan sumber sekunder untuk mendapatkan maklumat sejarah.
3. Kemahiran membuat interpretasi membolehkan murid untuk membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan berdasarkan bukti.
4. Kemahiran membuat imaginasi merupakan usaha untuk melibatkan murid dengan sesuatu situasi dalam peristiwa sejarah.
5. Kemahiran membuat rasionalisasi pula melibatkan kepada penggunaan akal fikiran dan membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Gaya Pembelajaran

Oleh kerana setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dan unik, maka Felder, (1997) telah mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai kekuatan dan keutamaan dalam menerima dan memproses maklumat sama ada dalam bentuk fakta, data, algoritma, teori, model, gambar rajah, ilustrasi atau sebagainya. Sungguhpun begitu, Felder dan Henriques, (1995), Keefe, (1987) dan Felder dan Sprulin, (2005) juga telah mentakrifkan gaya pembelajaran sebagai cara bagaimana seseorang memperoleh, mengekalkan dan mendapatkan kembali maklumat yang ada yang melibatkan ciri-ciri kognitif, afektif dan psikologi serta membolehkan murid membuat perbandingan tentang bagaimana mereka berinteraksi dan memberi tindak balas terhadap persekitaran. Sehubungan dengan itu, Felder dan Silverman, (1988) telah membangunkan sebuah model gaya pembelajaran yang melibatkan lima dimensi iaitu dimensi input (visual dan auditori), pemprosesan (aktif dan reflektif), dimensi pengamatan (kepekaan dan intuisi), dimensi kefahaman (sequential dan global) dan dimensi organisasi (induktif dan deduktif). Namun begitu, terdapat penambahbaikan yang telah dilakukan kepada model tersebut iaitu dimensi organisasi tidak digunakan lagi dan dimensi input (visual dan auditori) telah ditukar kepada dimensi input (visual dan verbal) yang menjadikan terdapat lapan jenis gaya pembelajaran yang boleh dikenal pasti dalam kalangan murid adalah seperti berikut:

1. Gaya visual: Murid suka belajar dengan menggunakan gambar rajah, carta, imej dan sebagainya yang dapat membantu mereka membuat gambaran terhadap sesuatu maklumat
2. Gaya verbal: Murid lebih suka memahami sesuatu maklumat apabila disampaikan secara lisan, penulisan atau pun dalam bentuk kuliah yang membolehkan mereka dapat mendengar penjelasan dan penerangan yang diberikan oleh guru serta suka membaca dengan kuat dan mengulanginya beberapa kali di dalam kelas.
3. Gaya aktif: Murid yang gemar berkerja secara aktif dengan alat atau bahan bantu pembelajaran yang disediakan. Mereka mencuba menyelesaikan sesuatu masalah atau tugas dengan sendiri serta berminat untuk berkomunikasi dengan orang lain dalam aktiviti kumpulan.
4. Gaya reflektif: Murid yang lebih suka berfikir terlebih dahulu dengan maklumat yang diperolehi bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau tugas yang diberikan secara mendalam sama ada dengan sendiri mahupun bersama dengan rakan-rakan yang lain.
5. Gaya kepekaan: Murid gemar mempelajari sesuatu maklumat dengan fakta dan mereka lebih suka untuk menyelesaikan masalah dan tugas melalui pendekatan yang sesuai serta sentiasa berfikiran realistik, wajar, pratikal dan menghubungkan kait maklumat dengan dunia luar.

6. Gaya intuisi: Murid gemar mempelajari sesuatu maklumat dalam bentuk abstrak dan teori dengan memberi penekanan kepada maksud sesuatu maklumat yang membolehkan mereka dapat membuat perkaitan antara maklumat-maklumat tersebut serta sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif.
7. Gaya sequential: Murid yang kurang menggunakan langkah yang sesuai dan logik dalam menyelesaikan masalah atau tugas serta mereka lebih suka kepada maklumat yang terperinci
8. Gaya global: Murid berfikiran holistik, belajar sesuatu maklumat tanpa membuat perkaitan, membuat penelitian terhadap sesuatu gambaran, mampu menyelesaikan masalah atau tugas yang lebih sukar serta mampu membuat perkaitan dan kesimpulan berdasarkan pandangan yang meluas.

Masalah Kajian

Pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah adalah perlu dipupuk dan dijana dalam kalangan murid secara berterusan dari Darjah Empat hingga ke Tingkatan Lima (PPK, 2013; 2016). Sungguhpun begitu, tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid yang berbeza gaya pembelajaran masih belum diketahui disebabkan kajian-kajian lepas hanya memfokuskan kepada tinjauan tahap pengetahuan dan amalan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru-guru Sejarah (Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maarof & Elisabeth Tak, 2010; Lisa Yip Shukye, 2014; Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam, 2018; Izhab Ismail & Muhamad Zaid Ismail, 2018; Muhamad Yazid Khalil, 2018; Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail, 2007; Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Noria Munirah Yakub & Ahmad Ali Seman, 2016; Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad, 2015; Baharuddin Jabar, 2013; Shakila Che Dahlan & Nor Hashimah Hashim, 2016). Dalam kajian ini, pengamalan kemahiran pemikiran sejarah merujuk kepada keupayaan murid-murid untuk melibatkan diri dalam proses pemikiran sejarah, manakala penguasaan kemahiran pemikiran sejarah pula merujuk kepada kebolehan murid-murid untuk menjawab soalan-soalan pemikiran sejarah. Maka, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid berdasarkan empat dimensi gaya pembelajaran iaitu dimensi input (visual dan verbal), dimensi pemprosesan (aktif dan reflektif), dimensi pengamatan (kepekaan dan intuisi) dan dimensi kefahaman (sequential dan global).

Objektif Kajian

Objektif kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid
2. Mengetahui tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid gaya visual dan verbal.
3. Mengetahui tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid gaya aktif dan reflektif
4. Mengetahui tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid gaya kepekaan dan intuisi
5. Mengetahui tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid gaya sequential dan global

Soalan Kajian

Soalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid?
2. Apakah tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid gaya visual dan verbal?
3. Apakah tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid gaya aktif dan reflektif?
4. Apakah tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid gaya kepekaan dan intuisi?
5. Apakah tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid gaya sequential dan global?

Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan secara deskriptif yang melibatkan seramai 865 orang murid Tingkatan Dua daripada 30 buah sekolah menengah di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang telah dijadikan sampel dalam kajian ini melalui teknik persampelan rawak mudah. Jumlah sampel kajian ini adalah melebihi saiz minima sampel berdasarkan jadual penentuan saiz sampel seperti yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Terdapat tiga instrumen dalam kajian ini iaitu soal selidik *Index of Learning Style* (Felder & Soloman, 1997) dan soal selidik pengamalan kemahiran pemikiran sejarah yang telah diadaptasi serta ujian penguasaan kemahiran pemikiran sejarah yang telah dibina bagi tujuan kajian ini. Ketiga-tiga instrumen kajian tersebut telah melalui proses kesahan oleh tiga orang pakar penilai dalam bidang sejarah yang berpengalaman luas. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alfa* bagi soal selidik *Index of Learning Style* adalah 0.80, soal selidik pengamalan kemahiran pemikiran sejarah adalah 0.95 dan ujian penguasaan kemahiran pemikiran sejarah pula 0.97 yang dianggap baik dan diterima untuk tujuan kajian ini (Nunnally, 1978). Indeks diskriminasi dan kesukaran item bagi ujian penguasaan kemahiran pemikiran sejarah juga adalah baik dan diterima untuk tujuan kajian ini (Nitko, 2004). Pembahagian murid berdasarkan jenis gaya pembelajaran dalam kajian ini dilakukan berdasarkan formula pengiraan yang diberikan oleh pembina soal selidik *Index of Learning Style* (Felder & Soloman, 1997). Data statistik deskriptif dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian pengaturcaraan *IBM SPSS Statistics*. Interpretasi skor min dan tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dilakukan berdasarkan kajian Jamil Ahmad, (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min dan Tahap Pengamalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad, (2002)

Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian bagi lima soalan kajian adalah seperti berikut:

Soalan Kajian 1

Berdasarkan Jadual 2, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=3.17$, $SD=0.73$) dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruksinya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.30$, $SD=0.82$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi

berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=3.14$, $SD=0.88$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.21$, $SD=0.84$), kemahiran membuat interpretasi ($M=3.13$, $SD=0.80$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=3.07$, $SD=0.81$) dalam kalangan murid walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana.

Selain itu, skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=1.49$, $SD=1.52$) dalam kalangan murid pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruksya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=1.88$, $SD=1.60$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=1.33$, $SD=1.72$), kemahiran meneroka bukti ($M=1.27$, $SD=1.65$), kemahiran membuat interpretasi ($M=1.43$, $SD=1.81$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=1.53$, $SD=1.34$) dalam kalangan murid walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya dalam kalangan murid berada pada tahap rendah.

Jadual 2: Skor Min dan Tahap Pengamalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah

	Murid Tingkatan Dua (N=865)					
	Pengamalan			Penguasaan		
	<i>M</i>	<i>SD</i>	Tahap	<i>M</i>	<i>SD</i>	Tahap
Kemahiran Pemikiran Sejarah	3.17	0.73	S	1.49	1.52	R
a.Memahami Kronologi	3.14	0.88	S	1.33	1.72	R
b.Meneroka Bukti	3.21	0.84	S	1.27	1.65	R
c.Membuat Interpretasi	3.13	0.80	S	1.43	1.81	R
d.Membuat Imaginasi	3.30	0.82	S	1.88	1.60	R
e.Membuat Rasionalisasi	3.07	0.81	S	1.53	1.34	R

Nota: T=Tahap Tinggi, S=Tahap Sederhana, R=Tahap Rendah

Soalan Kajian 2

Berdasarkan Jadual 3, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=3.16$, $SD=0.73$) dalam kalangan murid gaya visual berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruksya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.28$, $SD=0.82$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=3.13$, $SD=0.89$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.20$, $SD=0.84$), kemahiran membuat interpretasi ($M=3.11$, $SD=0.80$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=3.06$, $SD=0.81$) dalam kalangan murid gaya visual walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Di samping itu, skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=1.47$, $SD=1.51$) dalam kalangan murid gaya visual pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruksya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=1.87$, $SD=1.58$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=1.30$, $SD=1.71$), kemahiran meneroka bukti ($M=1.24$, $SD=1.64$), kemahiran membuat interpretasi ($M=1.40$, $SD=1.80$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=1.52$, $SD=1.33$) dalam kalangan murid gaya visual walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya berada pada tahap rendah dalam kalangan murid gaya visual.

Selain itu, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=3.27$, $SD=0.72$) dalam kalangan murid gaya verbal berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.42$, $SD=0.75$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=3.20$, $SD=0.88$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.28$, $SD=0.81$), kemahiran membuat interpretasi ($M=3.27$, $SD=0.79$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=3.17$, $SD=0.82$) dalam kalangan murid gaya verbal walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Di samping itu, skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=1.67$, $SD=1.61$) dalam kalangan murid gaya verbal pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=2.00$, $SD=1.70$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=1.55$, $SD=1.78$), kemahiran meneroka bukti ($M=1.51$, $SD=1.76$), kemahiran membuat interpretasi ($M=1.69$, $SD=1.86$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=1.61$, $SD=1.38$) dalam kalangan murid gaya verbal walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap rendah dalam kalangan murid gaya verbal.

Jadual 3: Skor Min dan Tahap Pengamalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (Murid Gaya Visual dan Verbal)

	Murid Gaya Visual (N=765)						Murid Gaya Verbal (N=100)					
	Pengamalan			Penguasaan			Pengamalan			Penguasaan		
	<i>M</i>	<i>SD</i>	Taha p	<i>M</i>	<i>SD</i>	Taha p	<i>M</i>	<i>SD</i>	Taha p	<i>M</i>	<i>SD</i>	Taha p
Kemahiran Pemikiran Sejarah	3.1 6	0.7 3	S	1.4 7	1.5 1	R	3.2 7	0.7 2	S	1.6 7	1.6 1	R
a.Memaha mi Kronologi	3.1 3	0.8 9	S	1.3 0	1.7 1	R	3.2 0	0.8 8	S	1.5 5	1.7 8	R
b.Meneroka Bukti	3.2 0	0.8 4	S	1.2 4	1.6 4	R	3.2 8	0.8 1	S	1.5 1	1.7 6	R
c.Membuat Interpretasi	3.1 1	0.8 0	S	1.4 0	1.8 0	R	3.2 7	0.7 9	S	1.6 9	1.8 6	R
d.Membuat Imaginasi	3.2 8	0.8 2	S	1.8 7	1.5 8	R	3.4 2	0.7 5	S	2.0 0	1.7 0	R
e.Membuat Rasionalisa si	3.0 6	0.8 1	S	1.5 2	1.3 3	R	3.1 7	0.8 2	S	1.6 1	1.3 8	R

Nota: T=Tahap Tinggi, S=Tahap Sederhana, R=Tahap Rendah

Soalan Kajian 3

Berdasarkan Jadual 4, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=3.03$, $SD=0.71$) dalam kalangan murid gaya aktif berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.16$, $SD=0.80$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=2.98$, $SD=0.89$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.08$, $SD=0.84$), kemahiran membuat interpretasi ($M=3.00$, $SD=0.77$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=2.92$, $SD=0.79$) dalam kalangan murid gaya aktif walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Di samping

itu, skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=1.25$, $SD=1.43$) dalam kalangan murid gaya aktif pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=1.68$, $SD=1.55$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=1.04$, $SD=1.62$), kemahiran meneroka bukti ($M=1.00$, $SD=1.54$), kemahiran membuat interpretasi ($M=1.15$, $SD=1.71$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=1.38$, $SD=1.28$) dalam kalangan murid gaya aktif walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap rendah dalam kalangan murid gaya aktif.

Selain itu, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=3.43$, $SD=0.69$) dalam kalangan murid gaya reflektif berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.55$, $SD=0.79$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=3.43$, $SD=0.80$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.44$, $SD=0.79$), kemahiran membuat interpretasi ($M=3.38$, $SD=0.79$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=3.36$, $SD=0.76$) dalam kalangan murid gaya reflektif walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Di samping itu, skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=1.67$, $SD=1.61$) dalam kalangan murid gaya reflektif pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=2.26$, $SD=1.61$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=1.94$, $SD=1.58$), kemahiran meneroka bukti ($M=1.77$, $SD=1.74$), kemahiran membuat interpretasi ($M=1.97$, $SD=1.86$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=1.82$, $SD=1.39$) dalam kalangan murid gaya reflektif walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap rendah dalam kalangan murid gaya reflektif.

Jadual 4: Skor Min dan Tahap Pengamalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (Murid Gaya Aktif dan Reflektif)

	Murid Gaya Aktif (N=562)						Murid Gaya Reflektif (N=303)					
	Pengamalan			Penguasaan			Pengamalan			Penguasaan		
	M	SD	Taha	M	SD	Taha	M	SD	Taha	M	SD	Taha
			p			p			p			p
Kemahiran Pemikiran Sejarah	3.0 3	0.7 1	S	1.2 5	1.4 3	R	3.4 3	0.6 9	S	1.9 4	1.5 8	R
a.Memaha mi Kronologi	2.9 8	0.8 9	S	1.0 4	1.6 2	R	3.4 3	0.8 0	S	1.8 8	1.7 8	R
b.Meneroka Bukti	3.0 8	0.8 4	S	1.0 0	1.5 4	R	3.4 4	0.7 9	S	1.7 7	1.7 4	R
c.Membuat Interpretasi	3.0 0	0.7 7	S	1.1 5	1.7 1	R	3.3 8	0.7 9	S	1.9 7	1.8 6	R
d.Membuat Imaginasi	3.1 6	0.8 0	S	1.6 8	1.5 5	R	3.5 5	0.7 9	S	2.2 6	1.6 1	R
e.Membuat Rasionalisa	2.9 2	0.7 9	S	1.3 8	1.2 8	R	3.3 6	0.7 6	S	1.8 2	1.3 9	R

Soalan Kajian 4

Berdasarkan Jadual 5, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=2.96$, $SD=0.68$) dalam kalangan murid gaya kepekaan berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.10$, $SD=0.79$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=2.90$, $SD=0.80$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.02$, $SD=0.83$), kemahiran membuat interpretasi ($M=2.92$, $SD=0.75$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=2.87$, $SD=0.77$) dalam kalangan murid gaya kepekaan walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Di samping itu, skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=1.13$, $SD=1.38$) dalam kalangan murid gaya kepekaan pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=1.56$, $SD=1.53$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=0.93$, $SD=1.56$), kemahiran meneroka bukti ($M=0.89$, $SD=1.49$), kemahiran membuat interpretasi ($M=1.00$, $SD=1.65$) kepekaan walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap rendah dalam kalangan murid gaya kepekaan.

Selain itu, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=3.49$, $SD=0.68$) dalam kalangan murid gaya intuisi berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.61$, $SD=0.76$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=3.50$, $SD=0.89$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.49$, $SD=0.77$), kemahiran membuat interpretasi ($M=3.45$, $SD=0.76$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=3.39$, $SD=0.77$) dalam kalangan murid gaya intuisi walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Di samping itu, skor penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=2.04$, $SD=1.55$) dalam kalangan murid intuisi pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=2.37$, $SD=1.57$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=1.96$, $SD=1.77$), kemahiran meneroka bukti ($M=1.85$, $SD=1.72$), kemahiran membuat interpretasi ($M=2.08$, $SD=1.84$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=1.96$, $SD=1.37$) dalam kalangan murid gaya intuisi walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah kecuali bagi konstruk kemahiran imaginasi yang berada pada tahap sederhana. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berada pada tahap rendah dalam kalangan murid gaya intuisi.

Jadual 5: Skor Min dan Tahap Pengamalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (Murid Gaya Kepekaan dan Intuisi)

	Murid Gaya Kepekaan (N=523)						Murid Gaya Intuisi (N=342)					
	Pengamalan			Penguasaan			Pengamalan			Penguasaan		
	M	SD	Taha p	M	SD	Taha p	M	SD	Taha p	M	SD	Taha p
Kemahiran Pemikiran Sejarah	2.9 6	0.6 8	S	1.1 3	1.3 8	R	3.4 9	0.6 8	S	2.0 4	1.5 5	R

a.Memahami Kronologi	2.9 0	0.8 0	S	0.9 3	1.5 6	R	3.5 0	0.8 9	S	1.9 6	1.7 7	R
b.Meneroka Bukti	3.0 2	0.8 3	S	0.8 9	1.4 9	R	3.4 9	0.7 7	S	1.8 5	1.7 2	R
c.Membuat Interpretasi	2.9 2	0.7 5	S	1.0 0	1.6 5	R	3.4 5	0.7 6	S	2.0 8	1.8 4	R
d.Membuat Imaginasi	3.1 0	0.7 9	S	1.5 6	1.5 3	R	3.6 1	0.7 6	S	2.3 7	1.5 7	S
e.Membuat Rasionalisasi	2.8 7	0.7 7	S	1.2 6	1.2 4	R	3.3 9	0.7 7	S	1.9 6	1.3 7	R

Nota: T=Tahap Tinggi, S=Tahap Sederhana, R=Tahap Rendah

Soalan Kajian 5

Berdasarkan Jadual 6, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=3.01$, $SD=0.70$) dalam kalangan murid gaya sequential berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruksya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.12$, $SD=0.79$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=2.98$, $SD=0.82$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.03$, $SD=0.83$), kemahiran membuat interpretasi ($M=2.99$, $SD=0.78$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=2.92$, $SD=0.79$) dalam kalangan murid gaya sequential walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Di samping itu, skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=1.27$, $SD=1.47$) dalam kalangan murid gaya sequential pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruksya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=1.64$, $SD=1.59$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=1.12$, $SD=1.64$), kemahiran meneroka bukti ($M=1.09$, $SD=1.59$), kemahiran membuat interpretasi ($M=1.21$, $SD=1.73$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=1.29$, $SD=1.29$) dalam kalangan murid sequential walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya berada pada tahap rendah dalam kalangan murid gaya sequential.

Selain itu, skor min pengamalan kemahiran pemikiran sejarah ($M=3.35$, $SD=0.71$) dalam kalangan murid gaya global berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruksya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=3.50$, $SD=0.80$) menunjukkan skor min pengamalan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=3.31$, $SD=0.93$), kemahiran meneroka bukti ($M=3.41$, $SD=0.81$), kemahiran membuat interpretasi ($M=3.29$, $SD=0.79$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=3.25$, $SD=0.79$) dalam kalangan murid gaya global walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap sederhana. Di samping itu, skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ($M=1.72$, $SD=1.54$) dalam kalangan murid global pula berada pada tahap rendah. Dari segi konstruksya pula, kemahiran membuat imaginasi ($M=2.13$, $SD=1.57$) menunjukkan skor min penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ($M=1.56$, $SD=1.78$), kemahiran meneroka bukti ($M=1.46$, $SD=1.70$), kemahiran membuat interpretasi ($M=1.66$, $SD=1.87$) dan kemahiran membuat rasionalisasi ($M=1.79$, $SD=1.34$) dalam kalangan murid gaya global walaupun kelima-lima konstruk tersebut berada pada tahap rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya berada

pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya berada pada tahap rendah dalam kalangan murid gaya global.

Jadual 6: Skor Min dan Tahap Pengamalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (Murid Gaya Sequential dan Global)

	Murid Gaya Sequential (N=453)						Murid Gaya Global (N=412)					
	Pengamalan			Penguasaan			Pengamalan			Penguasaan		
	<i>M</i>	<i>SD</i>	Taha p	<i>M</i>	<i>SD</i>	Taha p	<i>M</i>	<i>SD</i>	Taha p	<i>M</i>	<i>SD</i>	Taha p
Kemahiran Pemikiran Sejarah	3.0 1	0.7 0	S	1.2 7	1.4 8	R	3.3 5	0.7 1	S	1.7 2	1.5 4	R
a.Memaha mi Kronologi	2.9 8	0.8 2	S	1.1 2	1.6 4	R	3.3 1	0.9 3	S	1.5 6	1.7 8	R
b.Meneroka Bukti	3.0 3	0.8 3	S	1.0 9	1.5 9	R	3.4 1	0.8 1	S	1.4 6	1.7 0	R
c.Membuat Interpretasi	2.9 9	0.7 8	S	1.2 1	1.7 3	R	3.2 9	0.7 9	S	1.6 6	1.8 7	R
d.Membuat Imaginasi	3.1 2	0.7 9	S	1.6 5	1.5 9	R	3.5 0	0.8 0	S	2.1 3	1.5 7	R
e.Membuat Rasionalisa si	2.9 2	0.7 9	S	1.2 9	1.2 9	R	3.2 5	0.7 9	S	1.7 9	1.3 4	R

Nota: T=Tahap Tinggi, S=Tahap Sederhana, R=Tahap Rendah

Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah yang berada pada tahap sederhana dan tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah yang berada pada tahap rendah dalam kajian ini adalah bertepatan dengan kajian Sharifah NorPuteh et al, (2010) dan Zahara Aziz dan Nik Azleena Nik Ismail, (2007) serta Baharuddin Jabar, (2013) yang mendapati bahawa tahap penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru Sejarah berada antara rendah ke sederhana didapati turut mempengaruhi penerapannya dalam kalangan murid. Hal ini kerana guru Sejarah memainkan peranan penting dalam merancang dan menerapkan elemen kemahiran pemikiran sejarah secara berterusan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Tambahan pula, hasil dapatan kajian ini juga didapati selari dengan dapatan kajian Lee, (2013) dan Salinas, Franquiz, dan Guberman, (2006) yang menjelaskan pengamalan kemahiran pemikiran sejarah adalah sederhana tinggi dalam kalangan murid yang menggunakan sumber sejarah digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun begitu, tahap pengamalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid berdasarkan empat dimensi gaya pembelajaran yang menunjukkan pola sederhana dan rendah dalam kajian ini adalah konsisten dengan kajian Ling, Mona Masood dan Siti Hawa Abdullah, (2016) dan kajian Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad, (2015) yang telah melaporkan gaya pembelajaran mempengaruhi pemupukan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid Tingkatan Empat dan pelajar universiti dalam bidang pendidikan Sejarah. Antaranya, dalam kajian Ling et al, (2016) telah mendapati bahawa hanya aspek memahami kronologi masa sahaja yang menunjukkan terdapat perbezaan

yang signifikan antara murid sequential dan global. Namun begitu, dalam kajian Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad, (2015) pula yang menunjukkan gaya pembelajaran *judging* yang diamalkan oleh pelajar universiti dalam pendidikan Sejarah di Malaysia dan Indonesia didapati mempengaruhi pengamalan kemahiran pemikiran sejarah. Hal ini kerana kebanyakan pelajar dari kedua-dua universiti tersebut didapati cenderung dan minat dengan pembelajaran terarah sendiri yang membolehkan mereka menetapkan arah tujuan atau objektif pembelajaran sejarah yang jelas serta mengatur strategi dan proses pembelajaran dengan lebih sistematik bagi memastikan tujuan atau objektif yang diinginkan dapat dicapai terutamanya dalam penerapan elemen kemahiran pemikiran sejarah.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah pula berada pada tahap rendah dalam kalangan murid Tingkatan Dua secara keseluruhannya. Selain itu, tahap pengamalan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan empat dimensi gaya pembelajaran iaitu dimensi input (verbal dan visual), dimensi pemprosesan (aktif dan reflektif), dimensi pengamatan (kepekaan dan intuisi) dan dimensi kefahaman (sequential dan global) berada pada tahap sederhana, manakala tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan keempat-empat dimensi gaya pembelajaran tersebut berada pada tahap rendah. Oleh itu, implikasi kajian ini telah mencadangkan bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah perlulah direka bentuk secara teratur dan sistematik dengan mengambil kira gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid-murid. Hal ini kerana setiap dimensi atau jenis gaya pembelajaran memberikan kesan atau impak yang berbeza terhadap pencapaian dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah, khususnya dalam penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Justeru, guru-guru Sejarah perlu memainkan peranan yang penting dalam merancang kaedah dan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang dapat menerapkan dan meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah dengan lebih berkesan berdasarkan empat dimensi gaya pembelajaran yang diamalkan dalam kalangan murid.

Rujukan

- Aktin, K. (2016). A Semiotic analysis on the utilization of historical thinking skills in pre-school period. *Academic Journals*, 11, 1335-1366.
- Baharuddin Jabar. (2013). Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di Daerah Hilir Perak.
- Bickford II, J.H., & Bickford, M.S. (2015). Historical Thinking, Reading and Writing about World's Newest Nation, South Sudan. *Social Studies Research and Practice*, 10(2), 111- 123.
- Cowgill II, D.A., & Waring, S.M. (2017). Historical Thinking: An Evaluation of Student and Teacher Ability to Analyze Sources. *Journal of Social Studies Education Research*. 8(1), 115-145.
- Felder, R. M. & Henriques, E. R. (1995). Learning and teaching styles in foreign and second language education. *Foreign Language Annals*, 28, 21-31.
- Felder, R. M. & Silverman, L. K. (1988). Learning Styles and Teaching Styles in Engineering Education. *Engineering Education*, 78, 674-681.
- Felder, R. M. & Sprulin, J. (2005). Applications, reliability and validity of the Index of Learning Styles. *Int. Journal of Engineering Education*, 21, 103-112.
- Felder, R. M., & Soloman, B. A. (1997). Index of learning styles questionnaire. Retrieved from <http://www.engr.ncsu.edu/learningstyles/ilsweb.html>

- Izhab Ismail & Muhamad Zaid Ismail. (2018). Hubungan Kemahiran Pemikiran Sejarah dengan Amalan Guru Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018, 303-320.
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keefe, J.W. (1987). *Learning style: theory and practice*. Roston, VA: National Association of Secondary School principals.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sampel Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Lee, M. (2013). Promoting historical thinking using the explicit reasoning text. *The Journal of Social Studies Research*, 37, 33-45.
- Levesque, S. (2009). *Historical literacy in 21st Century Ontario: Research using Virtual Historian*. Rapport final: Canadian Council on Learning (CCL).
- Ling, W.A., & Mona Massod., & Siti Hawa Abdullah. (2016). Analysing the Relationship of Sequential and Global Learning Styles on students' historical thinking and understanding: A case study on Form for Secoandary school students in Malaysia. *International Journal of Assessment and Evaluation in Educatiom*, 6, 51-58.
- Lisa Yip Shukye. (2014). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Kalangan Murid-murid. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 13, 37- 49
- Miki, Y., Kojiri, T., & Seta, K. (2015). "If Thinking" Support System for Training Historical Thinking. *Procedia Computer Science*, 60, 1542-1551.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Noria Munirah Yakub, & Ahmad Ali Seman. (2016). Historical Thinking Skills among Pre-Service Teachers in Indonesia and Malaysia. *Creative Education*, 7, 62-76.
- Muhamad Yazid Khalil. (2018). Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Sekolah Rendah Dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah. Prosiding National Innovation and Invention Competition through Exhibition, 1-12.
- Newmann, F.M. (1990). The relationship of classroom Thoughtfulness to student's Higher Order Thinking Preliminary Result in High School Social Studies. *National Center of Effective Secondary Schools*, 1-28.
- Nitko, A. J. (2004). *Educational Assessment of Students*. Ed. Ke-4. Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 22- 31. Retrieved from: www.juku.um.edu.my
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2013). *Dokumen Standard dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tahun Empat*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah. (2014). Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah. *23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014)*, 23-27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah Malaysia.

- Rosy Talin. (2015). Historical Thinking Skills – The Forgotten Skills? *International Journal of Learning and Teaching*, 7(1), 15-23.
- Rully Putri Nirmala Puji, & Abdul Razaq Ahmad. (2015). Gaya Belajar dan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam pembelajaran Sejarah di Peingkat Universitas. *Edusentris, Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, 2(3), 253-263.
- Salinas, C., Franquiz, M.E., & Guberman, S. (2006). Introducing Historical Thinking to Second Language Learners: Exploring What Students Know and What They Want to Know. *The Social Studies*, 203- 207.
- Shakila Che Dahalan, & Nor Hashimah Hashim. (2016). The Implementation of Historical Thinking Skills among Teacher Trainees in Teaching Learning Process. 5th International Conference on Language, Education and Innovation, 28 May 2016.
- Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maarul, & Elisabeth Tak. (2010). Students' Perception of the Teaching of Historical Thinking Skills. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 18(S), 87-95.
- Twyman, T., McCleery, J., & Tindal, G. (2006). Using Concepts to Frame History Content. *The Journal of experimental Education*, 74(4), 331-349.
- Zahara Aziz, & Nik Azleena Nik Ismail. (2007). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Kepada Para Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 32, 119-137.